

TARIKH	25 / 04 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	2	RUANGAN	

Kufur jika tolak hudud

» Malaysia kekal kredibiliti sebagai sebuah negara Islam

Oleh Adha Ghazali, Nahar Tajri dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

■ Alor Setar

Kerajaan Pusat tidak boleh dianggap sebagai kufur semata-mata kerana belum melaksanakan hudud.

Penceramah dan pendakwah bebas, Muhammad Kazim Elias, menjelaskan hanya golongan yang menolak dan menentang hudud sahaja yang dihukum sebagai kufur.

"Ia berbeza sama sekali dengan pendirian disuarakan Perdana Menteri, yang menyatakan kerajaan tidak menolak, namun belum mampu melaksanakannya atas kekangan tertentu.

"Saya setuju kenyataan Perdana Menteri bahawa ada beza antara menolak dan belum melaksanakannya. Bagi saya secara peribadi ada banyak perkara yang perlu diteliti mengenai soal hudud sebelum ia boleh dilaksanakan," katanya.

Beliau yang lebih mesra dengan panggilan Ustaz Kazim, mengulas kenyataan Datuk Seri Najib Razak bahawa Kerajaan Pusat tidak pernah menolak hudud sebagai hukum ditetapkan Allah, namun mengakui banyak kekangan dan keutamaan perlu diselesaikan dan diperhalusi sebelum ia dapat dilaksanakan.

Perlukan ulama

Najib ketika berucap menutup Ijtima' Pondok Malaysia 2014 dianjurkan Yayasan Pembangunan Pondok Malaysia (YPPM) di sini, semalam berkata, ada perbezaan cukup ketara antara menolak hukum



Najib menutup Ijtima' Pondok Malaysia 2014 sambil perhatikan (dari kiri) Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha, di Alor Setar, semalam. [FOTO AMRAN HAMID/BH]

hudud dengan tidak melaksanakannya, kerana wujudnya kekangan dan kesulitan yang pelbagai.

Sebab itulah katanya, kerajaan memerlukan ulama di kalangan mujtahid untuk memperhalusi dan melakukan ijtihad baharu dalam menentukan pelaksanaan hukum hudud, supaya keadilan yang menjadi matlamat utamanya mampu ditegakkan.

Kerajaan menyokong niat baik pihak mana sekali pun untuk melaksanakan hukum hudud, bagaimanapun ia perlu mengambil kira hal lain yang menuju ke arah Islam sejati.

"Sebelum melaksanakan hudud, pastikan masyarakat Islam bersedia untuk melaksanakannya baik dari segi pemahaman, penghayatan, mental mahu pun pemikiran.

"Begitu juga dengan masyarakat bukan Islam, perlu diberi kefahaman yang betul dan menyeluruh mengenai hukum-hakam Islam supaya tidak wujud pandangan yang salah terhadap ajaran Islam yang suci ini," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri mengumumkan kelulusan geran RM500,000 kepada YPPM untuk melaksanakan usaha mencari, memperoleh dan memulih semula kitab lama dan muktabar, yang berada di merata tempat di dalam dan luar negara.

Turut diumumkan pada majlis dihadiri 1,300 warga pondok seluruh negara, termasuk dari Thailand dan Indonesia ialah penyediaan 20 tempat setiap tahun kepada guru pondok menunaikan haji melalui kuota 1Malaysia De-

velopment Berhad (IMDB).

Tak jejas kredibiliti

Sementara itu, Pengasas Maa-had Al-Fathoni atau lebih dikenali Pondok Bulit Ko'bah di Pendang, Ashiq Elahi Mat Desa, juga yakin status Kerajaan Pusat yang menyatakan belum sedia untuk melaksanakan hudud ketika ini, tidak akan menjasaskan kredibilitinya sebagai sebuah kerajaan Islam disegani.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Gabungan Institusi Pondok, Tahfiz dan Ilmuwan Sunni (GIPTIS), berkata apa yang cuba ditimbulkan segerinti pihak dalam isu berkebaikan sebenarnya lebih kepada kepentingan politik semata-mata, sedangkan ia sama sekali tidak membabitkan akidah umat Islam.